

Headline	RM10 juta pulihkan pencawang TNB		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Page No	12
ArticleSize	126 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,288		



# RM10 juta pulihkan pencawang TNB

**KUANTAN** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan RM10 juta untuk kerja membaiki pulih pencawang dan stesen janakuasa yang mengalami kerosakan di tiga negeri yang dilanda banjir.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, kos itu juga membolehkan kerja menaik taraf dan menukar alat ganti pencawang yang rosak.

“Ketika banjir baru-baru ini, sebanyak 1,299 pencawang di Pahang terjejas

dan tenggelam termasuk pencawang masuk utama Kuantan Utara, kita terpaksa memutuskan bekalan elektrik selama 10 jam kepada lebih 76,000 pengguna pada 4 Disember bagi mengelak kejadian tidak diinginkan.

“Anggaran kos pembai-

kan dan pemasangan baharu pencawang di Pahang berjumlah RM7.7 juta dan selebihnya bagi kos pembai-kan di Terengganu dan Johor yang kini giat dijalankan serta dijangka siap dalam tempoh se-

bulan,” katanya pada majlis penyerahan sumbangan TNB berjumlah RM250,000 untuk tabung bencana banjir kepada kerajaan negeri di sini semalam.

Sementara itu, keadaan banjir di Pahang pulih sepenuhnya apabila kesemua 59 mangsa daripada 16 keluarga yang sebelum ini berada di empat pusat pemindahan di Pekan dan Maran dibenarkan pulang.

Menurut Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, mereka dibenarkan pulang pada pukul 3.30 petang semalam. - Bernama



MAHDZIR